

Khawarij

1: Kenapa fail Khawarij dibuka semula?

Sejak akhir-akhir ini kalimah Khawarij telah digunakan dengan meluas terutamanya oleh seorang penulis prolifik di media perdana. Maka dalam kesempatan ini Albani Asghar (AA) akan menghuraikan fenomena Khawarij ini dan mungkinkah Khawarij ini muncul semula di sepanjang zaman atau ia hanya gimmik sahaja? Kita akan menggunakan rujukan yang muktamad dari Imam-imam manhaj salafi untuk menganalisa fenomena kemunculan semula Khawarij.

2: Iftiraq vs Ikhtilaf

Sebelum kita mulakan kajian terhadap fenomena Khawarij, elok kita kenali dua istilah asas: Iftiraq dan Ikhtilaf. Ikhtilaf maksudnya berselisih pendapat atau berbeda pendapat dan ia dibenarkan syara' selagi ia tidak membawa kepada iftiraq. Iftiraq bermaksud berpecah atau berpisah. maksudnya bila ikhtilaf menjadi serius dan ekstrim, maka ia bertukar menjadi perpecahan. perpecahan ini dicela sedangkan ikhtilaf tidak. (Ibn Taymiyyah, Minhaj asSunnah: V/ms 48)

Dalilnya: HR atTermidzi dari Auf bin Malik, "Umatku benar-benar akan berpecah menjadi 73 golongan.." (Majmu Fatawa: 3/345, status hadis ini ialah SAHIIH masyhur)

3: Iftiraq menurut Syara'

Menurut syara', iftiraq (berpecahbelah) ialah perpecahan dan perselisihan dalam Diin. Dalilnya Al-Quran 3:103 (Dan berpegang teguhlah kamu dengan tali Allah (Deen) dan janganlah kalian berpecah-belah). Dalam konteks lain perpecahan atau iftiraq ialah berselisih dlm masalah perinsip atau salah satu pihak keluar dari Sunnah

Maksud kedua Iftiraq ialah segolongan bertindak keluar dari jama'atul Muslimin (ummah) baik secara i'tiqad, amaliyah, siasah seperti syi'ah, qadariyah, muktazilah, jahmiyah, ahlu kalam, falaasifah, tasawwuf, dan batiniyah.

Ahlul bid'ah juga sejenis ahlu iftiraq. Imam Ibn Taymiyah berkata, ahlu bid'ah menjadi ahlu firqah kerana mereka keluar dari sunnah, ini kerana sunnah dikaitkan dengan jama'ah menjadi ASWJ, manakala bid'ah dikaitkan dengan ahlu Bid'ah wal Furqah (golongan inovatif diini dan berpecah). (Ibn Taymiyyah, alalIstiqamah, Jld 1/42)

4: Sebab berlakunya iftiraq (Bah 1)

a. Sikap Ghuluw golongan alfiraq

Ghuluw maksudnya sikap melampau dalam mengambil pendirian atau sikap. Syi'ah bersikap ghuluw dalam mencintai ahlu bayt. Sedangkan di peringkat awal ia cuma isu sikap dan pendapat tentang kelebihan ahlu bayt, oleh kerana ada sifat ghuluw, maka ia bertukar menjadi kecintaan yang mendalam terhadap ahlu bayt. Khawarij dianggap ghuluw kerana berlebihan dalam mentafsir ayat-ayat WA'IED (ancaman) lalu berkesudahan dengan mengkafirkan kaum muslimin.

b. Ingin menghapuskan bid'ah dengan bid'ah yang semisal dengannya.

Cth: Murji'ah, golongan ini membantah Khawarij dengan meringankan hukumnya dengan seringan-ringannya. Khawarij menganggap kafir bagi pelaku dosa besar. Murji'ah pula menganggap pelaku dosa besar masih sempurna imannya. Kemudian muncul pula Muktaizilah yang mendakwa golongan pertengahan antara Khawarij dan Murji'ah; tapi kesemuanya adalah ahlu firqah.

c. Pengaruh anasir asing
Syi'ah ditenun oleh Ibn Saba'; Qadariyah ditanam oleh Nasara; Jahmiyah oleh Yahudi bernama Ja'ad.

d. Mengutamakan akal
Cth: Muktazilah

e. Bila melimpahnya terjemahan buku-buku Falsafah Yunani.
(Syarh Usyul I'tiqad Ahlus-Sunnah Wal-Jama'ah (ASWJ), Maktabah Lienah, Riyadh, 1993, Jld 1/37-43)

5: Sebab berlakunya iftiraq (Bah 2)

f. adanya beberapa ulama' yang beraqeedah menyimpang

g. kebodohan yang bermaharajalela di kalangan umat

h. Tidak memiliki standard kefahaman yang benar

i. Ikhtilaf yang didasari oleh hawa nafsu

j. didasari oleh asobiah (fanatik puak/golongan)

k. hasad

l. cenderung untuk menumbuhkan bid'ah dan hawa nafsu

m. sikap mendahulukan akal dan menombor-duakan naqli (dalil)

n. pengaruh eksternal (luaran)

(Syaikh Ghalib bin Ali alIwaji, Firqah Mu'asirah, Maktabah Lienah, 1993, Riyadh: 1/1/47-48)

Siri 6: Bila kumpulan alfiraq pertama kali muncul?

Menurut alhafeedz Ibn Qayyim alJauzia (I'lam alMuwaqq'ien: 1/49), para sahabat berselisih dalam banyak perkara tapi mereka tidak berselisih dalam bab usyuliah terutamanya bab akidah.

Firqah muncul di era Uthman, pada babak hujungnya hingga terbunuhnya Uthman, kemudian merebak di zaman Ali (meletusnya perang Jamal dan Siffin). Secara resminya firqah pertama yang muncul dlm sejarah Islam ialah Khawarij selepas peristiwa Tahkim antara Ali r.a. dan Mu'awiyah r.a.

Syaikhul Islam Ibn Taymiyah alharani (majmoo' Fatawa: 3/ms 351), empat firqah induk yang keluar dari jama'ah Islam ialah Khawarij, Rawafidh (syi'ah), Qadariyah dan Murji'ah).

Siri 7: Kafirkan semua firqah yang keluar dari ASWJ?

HR Ibn Majah dri Awf bin Malik, "...umatku akan berpecah menjadi 73 firqah, satu ke syurga dan 72 ke neraka." Status hadis: sahih, Albani, asSahihah, # 1492

Fatwa Syaikhul Islam Ibn Taymiyyah: 72 firqah ini walaupun saling kafir mengkafir antara satu sama lain, tapi ASWJ tidak mengkafirkan mereka. Tidak ada bukti dari para sahabat, tabi'in, Imam-imam mujtahidin yang mengkafirkan mereka termasuk empat Imam besar ASWJ. Dalam Hadis Ibn Majah itu tidak disebutkan 'kekal' dlm neraka.

Fatwa Ibn Mubarak, ada sebahagian dari 72 firqah ini yang murtad atau kafir seperti jahmiyah, syi'ah rafidhah, hululiyah (Syatibi, all'tisom, Jld 2/220)

Siri 1-7 adalah takrifan umum mengenai istilah ikhtilaf vs Iftiraq

Rumusan: Setiap iftiraq (perpecahan) adalah ikhtilaf (perselisihan); namun TIDAK setiap ikhtilaf adalah iftiraq. Setiap ifitiraq adalah tercela, sedangkan Ikhtilaf tidak semuanya tercela.

Siri 8: KHAWARIJ: Peristilahan

Sudut Lughawi: asal kalimah ialah Kharaj, pluralnya (jama') ialah Khawarij . Ism fa'il dari kosa kata kharaja= "keluar". Khuruj dalam istilah dakwah Tablighi Jama'ate ialah aktiviti keluar untuk bertabligh. Bila disebut Khawarij=gerombolan yang KELUAR dari Diin, Pemerintah atau keluar dari masyarakat.

Sudut Istilah/Syara':

Pendapat pertama: Khawarij ialah sikap berpolitik. Siapa saja yang keluar dari keta'atan kepada Imam yang sah menurut syara', Imam yang haq, Imam yang disepakati oleh jama'ah atau jumhur. Ia tidak tertakluk pada zaman (masa) atau makan (tempat). Ia berlaku di zaman salaf, dan Pemerintah Islam sepanjang masa dan tempat. Ini pendapat Imam Syahrastani.

Pendapat kedua: Khawarij hanyalah golongan yang keluar dari Khalifah Ali bin Talib sahaja. Ini pendapat Imam Abu Musa asy'ary dan Ibn Hazm alAndaloosi.

Pendapat ketiga: Golongan Khawarij ialah golongan di zaman tabi'in dan tabi'-tabi'ien yang diketuai oleh Nafii' bin Azrad. Ini pendapat golongan Ibadhiah.

Pendapat yang rajih ialah pendapat kedua. Ini pilihan Jumhur dan Khawarij ada 5 nama yang lain:

- a. alHaruriyah (sebuah bandar di Iraq) yang menjadi markaz mereka
 - b. AsySyarah (orang-orang yang rakus atau militan) kerana kerakusan mereka
 - c. alMariqah (terpelas dari Islam) sempena nama yang diberi oleh Nabi saw
 - d. alMuhakkimah (menolak Tahkim antara Ali dan Mu'awiya)
 - e. alNawaasib (kaum yang membenci Imam Ali r.a.)
- (Syaikh Ghallib bin Ali Iwaji, Firaqun Mu'asirah/70-71)

Siri 9: Sejarah kemunculan Khawarij

Ulama' tarikh berselisih pendapat bilakah bibit Khawarij mula tumbuh dalam ummat Islam.

a. Ibn Hazm dan Ibn Jauzy berpendapat bibit Khawarij muncul di zaman Nabi saw bila Dzul Khuwaisyirah bangun membantah Nabi saw mengenai isu pembahagian ghanimah

b. Ibn Kathir dan Ibn Abil 'Izz berpendapat bibit Khawarij muncul di hujung era Khalifah uthman alAffan ketika mereka mengepung rumah Khalifah dan membunuhnya.

c. Bibit Khawarij muncul di kem Talhah dan azZubair yang berakhir dengan perang Jamal.

d. Khawarij muncul ketika mereka keluar dari peristiwa Tahkim antara Ali dan Mu'awiyah. Ini pendapat Jumhur. (Ibn hazm, alMilal wal Nihal: 1/114)

Rumusan siri 8 dan 9: Khawarij menurut jumhur ialah bermula dari kumpulan serpihan yang bertindak keluar dari peristiwa Tahkim yang masyhur itu.

Siri 10: Asbab kaum Khawarij bertindak keluar

Di antara sebab-sebab yang mendasari keluarnya Firqah Khawarij ialah:

a. Perbezaan pendapat dalam masalah khilafiah dalam isu kriteria jawatan Khalifah

b. Permasalahan Tahkim

c. Para Penguasa yang zalim

d. Fanatik kabilah

e. Sebab-sebab ekonomi/material

f. Semangat agama yang ekstrim

(Firqatun Mu'asirah: 1/75)

Siri 11: Sub-Khawarij (Pecahan-pecahan Firqah Khawarij)

Selepas mereka keluar dari Tahkim, mereka berpecah menjadi beberapa golongan:

1. alMuhakkimah

Kumpulan berkumpul di Haruura (Kufah) seramai 12,000 ribu dan menamakan kumpulan mereka Haruriya. Tokoh meeka ialah Abdullah bin Wahab arRasibiy Ali memerangi mereka di Nahrawan.

2. alAzariqah yang diketuai oleh Nafii' bin Azraq, berpangkalan di Basrah dan

Ahwaz (Iran)

3. anNajdah yang diketuai oleh Najdah bin Amir yang berpangkalan di Yaman
4. alBaihasiyah yang diketuai oleh Abi Baihas alHasyimi dan ditumpaskan oleh Hajjaj bin Yusuf asTsaqafi
5. asTsa'labah yang diketuai oleh Tsa'labah bin Amir
6. alAjaaridah yang diketuai oleh Abd Karim bin Ajrad
7. Ibadhiyah yang diketuai oleh Abdullah bin Ibadh yang berpangkalan di Yaman. Ia dianggap Khawarij yang moderat

(Dr Maani' alJahny, al mausu'ah al Muyassarah: 1/62, cetakan Riyadh)

Flashback Siri 11: Sub-Khawarij (Pecahan-pecahan Firqah Khawarij):

Tujuan siri Khawarij ini dipaparkan ialah memberi pengetahuan mengenai isu Khawarij yang sering dipaparkan dalam media perdana sejak akhir-akhir ini. Khawarij ini merujuk kepada segolongan muslimin yang keluar dari ummat ketika berlaku peristiwa Tahkim (Ali dan Mu'awiyah, keduanya radiAllahu `anhuma) dan bukan sekadar keluar, mereka mendirikan manhaj atau aliran yang tersendiri.

Siri ke 12: Minhaj atau aliran pemikiran Khawarij

a. Khawarij adalah ahli takweel dan melihat zahir Nas sahaja.

Syaikhul Islam Ibn Taymiyah alHarani berkata, Khawarij adalah golongan yang suka mentakweel ayat-ayat suci mengikut hawa nafsu mereka, mereka telah sesat kerana menganggak takweelan mereka sahaja yang menepati nas.

[Huraian: Takweel adalah lawan pada tafsir; takweel disinonimkan dengan pendekatan rasional dalam memahami nas. Zahir nas bermaksud melihat pada maksud zahirnya sahaja tanpa perlu menyelami yang tersirat]

b. Khawarij menghukum muslim yang melakukan dosa-dosa besar (kabair) telah kufur.

Dalil: "sesiapa yang tidak berhukum dengan hukum Allah adalah kafir" Al-Quran 5: 44 Juga Bukhari-Muslim, "Tidaklah orang yang berzina ketika berzina itu mukmin dan tidaklah orang yang minum arak, ketika mememinum arak itu mukmin dan tidaklah orang yang mencuri ketika mencurinya itu mukmin."

(Bukhari: 8: 13), Muslim (1/54)

c. Masaalah Imamiah (Pemimpin tertinggi negara)

Khawarij menetapkan Imam orang Islam mestilah dari seseorang yang bernaung di bawah bendera mereka. Imam itu mestilah kuat akidah, ibadah, taqwa menurut fahaman mereka

d. Sikap Khawarij terhadap muslim yang tidak sehaluan dengan mereka:

Khawarij menetapkan orang Islam lain yang tidak menyokong aliran Khawarij adalah halal darahnya. dalilnya Al-Quran 71: 27

(sumber: Ibn Iwaji, Firaqun Mu'asirah, cetakan Riyadh, 1993: 1/106-119)

Re-wind Siri ke 12: Minhaj atau aliran pemikiran Khawarij Tujuan saya mengemukakan siri tentang Khawarij ialah kerana istilah ini sering disebut sejak akhir-akhir ini. Parti Pembangkang # 1 telah dilabel oleh Pemerintah sebagai Khawarij. Maka tujuan penulis bukanlah mempertahankan mana-mana pihak, tapi membawa anda memahami kedudukan Firqah Khawarij ini dari perspektif sejarah dan manhaj (pemikiran).

Siri 13: Ciri-ciri Utama Firqah Khawarij (ada 6 sifat utama)

a. Suka Mencela dan menganggap orang lain sesat

Sifat paling ketara firqah Khawarij ialah suka dan mudah mencela para Imam/Pemerintah yang mereka anggap sesat dan menghukum mereka telah

keluar dari kebenaran dan keadilan. Sikap menentang secara terbuka ini muncul buat pertama kali oleh Dzul Khuwaisyira (salah seorang pioneer Khawarij) ketika dia membantah Nabi saw dalam urusan pembahagian ghanimah dan menuduh Nabi tidak adil (Fathul Bari: 12/359, Hadis # 6933)

Komentar Syaikhul Islam Ibn Taymiyah alharani (majmoo' Fatawa lil Syaikhul Islam: 28/497): "Inti kesesatan mereka terhadap para Imam yang adil dan jama'atal Muslimin ialah mereka menuduh Imam dan jama'ah Islam (ummat) semuanya telah sesat. Pendapat Khawarij ini kemudian diikuti oleh Rafidhah (syi'a)."

b. Su' udzon (berperasangka buruk)

Inilah kata-kata Dzul Khuwaisyira kepada nabi saw, "Demi Allah, pembahagian ini tidak ADIL dan tidak dikehendaki dalam wajah ALLah." Komentar Syaikhul Islam (MF 28/579): "Ini berlaku ketika selesai Perang Hunayn. Di mana Nabi saw tidak memberi ghanimah sedikitpun kepada orang Ansar dan Muhajirin. Tindakan Khawarij mencela Nabi saw itu kerana mereka bersikap su'udzon, tidak memahami maslahat dan maqosid Nabi saw berbuat demikian."

Siri 13: Ciri-ciri Utama Firqah Khawarij (ada 6 sifat utama)

a. Suka Mencela dan menganggap orang lain sesat

b. Su' udzon (berperasangka buruk)

Siri 14: Ciri-ciri Utama Firqah Khawarij (sambungan)

c. Ghuluw (berlebih-lebihan) dalam Ibadah

Dalil: HR Muslim "[sabda] akan muncul satu kaum dari umatku yang membaca Al-Quran, bacaan kalian tidak setanding dengan bacaan mereka, tidak pula solat kalian setanding dengan mereka dan tidak pula saum kalian setanding dengan mereka."

Ulasan/syarah:

AlHasan r.a.: "Kaum itu ialah yang tidak kembali kepada kebenaran dan tidak mencegah dari yang batil" (Dr Muhd Mahzum, Tahqeeq Mawaqee' as-Sahabat fil Fitnah, cetakan Riyadh, 1994: Jld 2/200)

Imam syarf anNawawi (alhafidz Ibn Hajar, Fathul Bari: 12/358) "Kaum ini tidak mendapat habuan pahala kerana bacaan mereka tidak meresap dalam hati dan tidak menjadi amalan."

Ibn Khaldun (Muqaddimah: 2/1048) "Kaum ini bukanlah qura' (adapun Qura' ialah yang membaca, tadabbur, hafaz, faham dan berakhlak dengan alQur:an) tapi Al-Quran hanya sampai ditenggorok sahaja."

Ibn Jauwzi (Talbis Iblis/106), memetik pengalaman Ibn Abbas r.a. yang diutus khas oleh Imam dan amir al mukminin Ali r.a. untuk berdialog dengan mereka, Ibn Abbas berkata, "Aku tidak pernah melihat satu kaum yang amat kuat ibadahnya melainkan kaum ini (khawarij)."

Tarjeeh:

Golongan khawarij ni adalah ahli ibadah yang amat menakjubkan, banyak baca Al-Quran, solat tahajjud dan berpuasa sunat. Tapi entah macam mana ibadah-ibadah itu tidak memberi apa-apa kesan dalam amalan mereka.

Siri 15: Ciri-ciri Utama Firqah Khawarij (sambungan)

d. Firqah Khawarij bersikap keras terhadap sesama muslimin dan menghalalkan darah mereka.

Fatwa Khawarij yang masyhur menetapkan: "Sesiapa yang tidak keluar bersama mereka (Khawarij) dan memerangi kaum Muslimin, maka mereka telah kafir walaupun kaum Muslimin berkeyakinan sama seperti mereka."

(Syaikhul Islam Ibn Hajar Asqalani, alFath: 12/352)

Dari Masruq dari Aisyah ra, "(sabda), Mereka (Khawarij) adalah sejelik-jelik ummatku yang telah memerangi sebaik-baik ummatku."

(alFath: 12/354)

Komentar:

Ibn Jauzi (Talbis Iblis: 106) melalui catatan sejarah Khawarij yang hitam, mereka tergamak membunuh Abdullah bin Khabbab ra.

Ibn Umar ra menjelaskan Khawarij adalah sejelik-jelik makhluk, mereka menimpakan ayat-ayat (Al-Quran) yang sepatutnya ditimpakan kepada orang kafir, tapi mereka timpakan kepada sesama islam. (Dr Muhammadd Mahzum, Tahqeeq Mawaqif as-Sahabah fil Fitnah, Riyadh/ 2: 195)

Syaikh Ahmad Salam, "Khawarij adalah yang menghalalkan darah orang-orang Islam." (Ma ana 'alayhi wa Asyhaabii/36)

Maka ciri ke empat Khawarij ialah mereka menghukum dengan keras saudara seagamanya dan sampai ketahap menghalalkan darah mereka ditumpahkan

Siri 16: Ciri-ciri Utama Firqah Khawarij (sambungan)

e. Amat sedikit pengetahuan mereka akan Fiqih

Mereka masyhur dengan panggilan Qura' (orang yang giat membaca alQur'an dan giat pula beribadah. Akan tetapi mereka suka mentakweel ayat-ayat Al-Quran dengan takweelan yang menyeleweng dan mereka mengutamakan pendapatnya, kemudian berlebih-lebihan dalam zuhud dan khusyu'.

Imam alBukhari meriwayatkan dari Ibn Umar ra, Haruriya (nama lain bagi Khawarij) adalah sejelik-jelik makhluk, mereka menghalalkan ayat-ayat yang turun untuk orang-orang kafir ditalakan kepada orang yang beriman.

(Fathul Bari: 12/351-354)

Nafii' meriwayatkan dari Ibn Umar ra, "Bila ditanya akan Ibn Umar pendapatnya tentang Haruriya (Khawarij), beliau menjelaskan mereka mengkafirkan kaum muslimin, menghalalkan darah dan hartanya..aku tidak mengetahui seseorang pun yang lebih berhak diperangi melainkan merekalah." (asSyaatiby: al'tisom jld 2/183)

"Mereka (khawarij) mengikuti ayat-ayat mutasyabihat, mereka mengambil dzohir lafaz-lafaz nas yang menerangkan tentang kekafiran tanpa dikembalikan kepada ayat-ayat muhkam." (Syaikh Ahmad Salam, ma ana alayhi wa ashaabi/36.

Siri 17: Ciri-ciri Utama Firqah Khawarij (sambungan)

f. Ciri ke enam Khawarij dan sewaktu dengannya ialah:

MUDA Umur dan ROSAK AQALNya

Dalilnya: HR alBukhari (#6930), "[Sabda] Akan keluar suatu kaum di akhir zaman, umurnya masih muda (ahdathul asnan), sedikit ilmunya (sufaha ul ahlam), mereka mengatakan dari perkataan sebaik-baik manusia, iman mereka tidak melebihi kerongkongnya, mereka terlepas dari Deen seperti terlepasnya anak panah dari busurnya"

Komentar Imam Ibn Hajar (alFath: 12/356)

Ahdathul Asnan ialah yang muda umurnya dan maksud sufaha al ahlam ialah akal mereka rosak. Komentar Imam anNawawee, "Sesungguhnya 'tatsabut'

(kematangan) dan basyiirah (berwawasan) yang kuat akan muncul ketika sempurnanya usia, banyak pengalaman serta kuat akalnya."

Amir alMukminin Ali ra mengumpulkan orang ramai (bertujuan menerangkan keburukan Khawarij), beliau meminta dibawa Musyhaf alQur'an. Kemudian Ali memukul Musyhaf itu dengan tangannya dan berkata, "Wahai Musyhaf, terangkan kepada orang ramai." Yang hadir berkata, "Ia bukan manusia tapi hanyalah tinta dan kertas dan kita berbicara berdasarkan apa yang kita riwayatkan darinya."

"Baiklah", kata Imam Ali ra. "Ini adalah kitab Allah yang memutuskan antara aku dan mereka (Khawarij)." Kemudian beliau membaca ayat an Nisa': 35

(menerangkan keperluan melantik Hakim jika berlaku sengkita antara suami dan isteri yang parah). Jika sengketa suami-isteri dilantik Hakim, maka isu Umat Muhammad adalah lebih besar dari itu. Mereka (Khawarij) membenci aku kerana aku mengadakan Tahkim dengan Mu'awiyah, padahal RasuluLlah saw pernah berdamai dengan Suhail bin Amru. Kemudian Imam Ali membaca Al-Quran 33:

21 (Sungguh bagi kamu, pada diri Rasulullah itu uswatun hasanah) [Dr Muhd mahzum, tahqeeq Mawaqee'f sahaba fil fitnah: 2/241]
P/S: mungkin Khawarij kata, Imam Ali telah guna Fiqh Waq'e' sebab bagi Khawarij waq'e' tu tak ujud.
Siri 18: Kedudukan Firqah Khawarij dlm neraca Syara'.
a. Khawarij telah kafir.

alQadhi Abu Bakar ibn Arabi (syarah Termidzi), Khawarij menjadi kafir. Thabit dengan nas hadis dalam Sunan termidzi tersebut yang berbunyi:

" mereka terlepas dari Islam"

"aku akan memerangnya sebagaimana diperangi kaum Ad"

"mereka adalah sejahat-jahat makhluk."

Syaikhul Islam Ibn Hajar (alFath: 12/371) memetik fatwa asSubki bahawa Khawarij dan Rafidhah adalah kafir berdasarkan sikap ghuluw mereka mengkafirkan sahabat-sahabat Nabi s.a.w. sehingga membantah kesaksian rasuluLlah s.a.w. bahawa mereka (para sahabat) adalah ahlul jannah.

b. Khawarij adalah Fasiq/ahlul Bid'ah/ahlul Baghy (pemberontak)

Ini adalah fatwa Syaikhul Islam Ibn Taymiah (Minhaj asSunnah: 5/241) Dalam majmu' Fatawa (cetakan Mu'asasah arRisalah): 28/518) Ibn Taymiah menggunakan dalil hadis Ibn Abi Syaibah dari Tariq bin Syihab dari Ali ra, bila ditanya apakah Khawarij murtad, Ali menjawab, "Mereka adalah ahli baghy (pemberontak)."

Rumusan: Fatwa Ibn taymiah menetapkan Khawarij adalah kaum yang ilmunya menyeleweng, tidak mengikuti sunnah (ahlil bid'ah), memerangi kaum muslimin. Hukum yang patut buat mereka ialah Fasiq.

(Majmu' fatawa: 13/356)

Fatwa Sa'ad bin Abi Waqs ra, menggolongkan Khawarij sebagai fasiq seperti mana maksud Al-Quran: 26-27 (Majmu' Fatawa: 16/588)

c. Jumhurul Ulama'

Ibn Batthal merumuskan: Jumhur menetapkan Khawarij tidak terkeluar dari Islam (Fathul Bari:12/371)

Siri 19/Akhir: Firqah Khawarij.

Firqah Khawarij adalah firqah ekstrimis dan fanatik dan menjadi firqah pertama yang mengkafirkan orang Islam yang lain. Mereka mengkafirkan orang Islam lantaran dosa-dosa besar yang dilakukan, malah mereka mengkafirkan sesiapa yang bertentangan dengan akidah dan ideologi mereka yang jelas bid'ah.

Sikap Khawarij yang ekstrim dan ganas menyebabkan mereka diperintahkan diperangi oleh Nabi saw. Khawarij juga diperangi oleh Khalifah Ali bin Abi Talib ra. Walaupun Khawarij itu bukan kafir, tapi mereka adalah kaum yang sesat, fasiq lagi ekstrim.

Walaupun golongan Khawarij ini telah pupus, tetapi ruh golongan ini sentiasa ujud di kalangan umat. Dr Qardhawi menyimpulkan ruh Khawarij ini yang membawa ciri-ciri berikut:

1. Fanatik terhadap suatu pendapat dan tidak mengakui pendapat yang lain.

Slogan mereka, "Ini adalah hak aku untuk menyatakan pendapat, pendapat aku mesti benar dan pendapat kamu pasti salah."

2. Mewajibkan sesuatu yang Allah tidak wajibkan kepada manusia.

Maksudnya sentiasa memilih pendapat yang berat dan sukar dari dua pendapat yang ringan dan mudah.

3. Memberatkan yang tidak kena pada tempatnya

Misalnya terhadap minoriti Islam di negara bukan Islam, orang Islam yang baru memeluk Islam atau orang yang baru bertaubat.

4. Sikap kasar dan keras

Sikap ini berlawanan dengan sikap umum Al-Quran yang lemah-lembut dan

hikmah. Kasar dan keras hanya di keadaan tertentu sahaja misalnya di medan perang atau ketika hakim menjatuhkan hukuman.

5. Su' Dzon (Prasangka) terhadap orang lain

6. Giat menyambung sikap pengafiran terhadap sesama Islam

Jika Khawarij telah memulakan sikap melampau dengan mudah mengkafirkan orang lain, ada banyak harakah-harakah di zaman kita yang menyambung sikap ini antaranya Harakah Takfir wal Hijrah dari Mesir. (Qardhawi, Zharah alGhuluw fi Takfir)

Ustaz Rasul Dahri merumuskan bahawa ciri-ciri utama neo-Khawarij ini ialah mereka sangat keras terhadap Pemimpin orang Islam, melemparkan pelbagai tuduhan-tuduhan yang berat dan ada yang mengkafirkan pemerintah umat Islam yang sah.

TAMAT